



11-08-2016

arena

87

HARIAN METRO

Rio de Janeiro: Kehadirannya di Sukan Olimpik bukan satu percutian bagi jaguh pecut wanita negara, Zaidatul Husniah Zulkifli (*gambar*).

Walaupun dianggap bakal tersingkir selepas aksi peringkat saringan 100 meter, atlet yang hadir atas tiket wild-card itu menyatakan keinginannya untuk mencontohi lelaki terpentas Malaysia, Khairul Hafiz Jantan yang memecahkan rekod kebangsaan 100m milik Watson Nyambek dengan catatan baru 10.18 saat.

“Saya mempunyai impian mencipta rekod baharu kebangsaan

Kejayaan Khairul jadi inspirasi Zaidatul

acara 100m wanita dan kejayaan Khairul menyuntik semangat untuk saya mengatasi rekod milik G Shanti yang dilakukan pada 1993,” kata atlet dari Pulau Pinang itu, semalam.

Selepas empat hari berada di Rio, Zaidatul bertekad mendapatkan hadiah hari jadi terbaiknya apabila memasuki trek esok, lapan hari sebelum meraikan ulang tahunnya yang ke-23 pada 20 Ogos ini.

Di Sukan Malaysia (SUKMA) di Sarawak bulan lalu, Khairul memecahkan rekod 10.30s milik Watson yang dilakukan pada 15 Julai 1998,

manakala catatan 11.50s milik Shanti dicipta pada tahun Zaidatul dilahirkan di Kedah.

Berdasarkan pencapaian semasanya, ia pasti menjadi tugas berat buat Zaidatul untuk memecahkan rekod kebangsaan tetapi atlet itu tetap bersemangat tinggi menggunakan peluangnya beraksi di temasya Sukan Olimpik ini.

“Saya mahu memperbaiki catatan peribadi terbaik saya. Selain mengintai peluang mencipta rekod kebangsaan.



Be
Terp
Dir

Prestasi saya menunjukkan peningkatan yang baik dan harap ia mampu menghasilkan hadiah hari jadi terbaik untuk saya di sini,” katanya.